

*Tarikh Dibaca: 07 JANUARI 2022M | 04 Jumadal Akhirah 1443H*



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

# KHUTBAH JUMAAT

***Tajuk:***

***“RASUAH”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## “RASUAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ  
وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk  
“RASUAH.”

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 188.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



## Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 188 yang disebut pada muqaddimah khutbah ini bermaksud:

*"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."*

Hadis daripada Abdullah Bin Amru Radiallhu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ.

*"Allah SWT melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah".*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Rasuah adalah sangat berbahaya dan bala yang besar. Ia sesuatu yang memudaratkan masyarakat, memudaratkan orang Islam, dan meletakkan pengurusan dan pentadbiran menjadi tidak stabil.

Rasuah ini berlaku dalam semua urusan; termasuklah urusan kehakiman, tanah, percukaian, zakat dan lain-lain, malah dalam perkara yang melibatkan agama dan orang agama. Oleh itu, Allah mengharamkan rasuah dan melaknat pelakunya kerana bahayanya yang besar, maka tidak boleh memberi rasuah dan tidak boleh mengambilnya. Seseorang tidak boleh memberi rasuah dan tidak boleh juga seseorang pegawai mengambilnya bahkan wajib berjaga-jaga darinya.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diberikan kuasa menyiasat, menyoal siasat dan menangkap pelaku-pelaku rasuah dari sektor-sektor awam dan juga swasta. Kesalahan merangkumi perbuatan memberi dan menerima wang suapan, peras ugut, percubaan rasuah, penyalahgunaan kedudukan, rasuah menerusi agen, sehinggalah rasuah dalam perolehan awam dan pilihanraya.

Para ulama menjelaskan bahawa pengertian al-rasyi adalah orang yang memberi rasuah sedangkan al-murtasyi bererti orang yang menerimanya. Laknat itu ditimpakan kepada orang yang menyuap kerana dengan perbuatan itu ia menyakiti orang lain, dan mendapatkan sesuatu yang bukan haknya. Laknat juga dikenakan kepada al-murtasyi iaitu orang yang mengambil rasuah. Laknat juga menimpa al-ra'isy, iaitu orang tengah yang menjadi perantaraan antara keduanya.

Bila bercakap tentang rasuah, seseorang pekerja seolah-olah tidak boleh terlepas darinya, umpama dikatakan "mustahil untuk tidak mengecap rasa madu atau racun yang berada di hujung lidah", maka mustahil bagi kakitangan kerajaan untuk tidak menjamah hasil pendapatan kerajaan. Sepertimana kita tidak pasti sama ada ikan dalam air menelan air atau tidak. Begitu juga sukar untuk kita mengenal pasti sama ada seseorang kakitangan kerajaan itu mengambil wang kerajaan untuk diri mereka sendiri atau tidak.

Sebahagian orang menggunakan pangkat dan jabatannya untuk mengaut keuntungan kebendaan misalnya dengan mensyaratkan imbalan dalam pelantikan pangkat seseorang atau dalam memindahkan pegawai dari satu daerah ke daerah lain, dan yang seumpamanya.

Menerima imbalan itu hukumnya adalah haram. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Umamah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَنْ شَفَعَ لِأَخِيهِ شَفَاعَةً، فَأَهْدَى لَهُ هَدِيَّةً عَلَيْهَا  
فَقَبِلَهَا ، فَقَدْ أَتَى بَابًا عَظِيمًا مِنْ أَبْوَابِ الرَّبِّ

*“Sesiapa memberi pertolongan kepada saudaranya satu pertolongan dan saudaranya memberikan kepadanya hadiah lalu diterimanya, maka sesungguhnya ia telah mendatangi pintu yang besar daripada pintu-pintu riba.”*

*(Riwayat Abu Daud).*

### **Muslimin yang berbahagia,**

Pada masa kini, rasuah sudah menjadi kebiasaan umum. Bagi sebahagian pegawai, rasuah menjadi pendapatan yang hasilnya lebih banyak dari gaji mereka perolehi. Berbagai urusan perniagaan atau urusan lainnya, hampir semua dimula dan diakhiri dengan tindakan rasuah. Ini tentunya merugikan orang miskin, kerana rasuah menjadikan undang-undang dan peraturan sudah tidak berguna lagi. Yang berhak digantikan dengan orang yang tidak berhak. Kerana rasuah, wang yang semestinya milik mereka yang bekerja, tetapi bertukar kepada orang lain yang mengautnya.

Amalan rasuah juga melibatkan orang-orang agama, sedangkan mereka mengetahui hukumnya haram dan berdosa besar tetapi kerana habuan dunia itu mengasyikkan maka hilanglah sikap amanah, jujur dan keikhlasan yang tertanam dalam sanubari selama ini. Orang yang diharapkan dapat menjaga maruah diri dan agama bahkan sentiasa menyeru masyarakat dalam melakukan kebaikan boleh hanyut dan melanggar larangan Allah SWT. Lupakah mereka dengan amaran Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 44:



أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ  
الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

*“Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?”*

Pendedahan SPRM mengenai pembabitan orang agama dari agensi kerajaan terlibat kes rasuah adalah sesuatu yang memalukan dan tidak sepatutnya berlaku. SPRM mendedahkan bahawa pegawai dan kakitangan agensi agama tidak terkecuali daripada terpalit dengan kes rasuah.

### **Hadirin yang berbahagia,**

Rasuah mestilah dibanteras oleh pemerintah dengan mengenakan hukum yang lebih tegas agar mereka menjadi gerun dan takut. Dalam menangani kes rasuah pemerintah hendaklah lebih terfokus kepada langkah pencegahan sebelum terjadinya kes jenayah rasuah tersebut .

Allah menceritakan dalam al-Quran bahawa ada seorang alim, mereka mengakui kebenaran Muhammad SAW, tetapi disebabkan rakus terhadap dunia, mengikut hawa nafsu, ingin kekuasaan dan kekayaan, syaitan telah menggoda mereka hingga tergelincir dari agama yang benar. Ingatlah, orang yang alim apabila dia derhaka kepada Allah, Allah umpamakan dia seperti anjing seperti yang dinyatakan dalam surah Al-A'raf ayat 176:

فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحْمِلُ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرُكُهُ يَلْهَثُ



*“maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah”*

Demikianlah perumpamaan orang agama yang terlibat dengan perkara dosa seperti rasuah dan sebagainya. وَالْعِيَاذُ بِاللَّهِ .

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Harta benda dunia ini sangat menggiurkan. Kerap kali sehingga sampai tidak peduli tentang halal haramnya .

Hadis daripada Khaulah binti Qais Radiallahu'anha bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ هَذَا الْمَالَ حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، مَنْ أَصَابَهُ بِحَقِّهِ بُورِكَ لَهُ فِيهِ، وَرُبَّ مُتَخَوِّضٍ فِيَمَا شَاءَتْ نَفْسُهُ، مِنْ مَالِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ، لَيْسَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا النَّارُ

*“Sesungguhnya harta ini hijau dan manis, barangsiapa mendapatkan dengan haknya maka ia akan diberkati. Berapa banyak orang yang mengambil harta Allah dan rasul-Nya tanpa haknya secara sesuka hati, tiada balasan baginya pada hari kiamat nanti kecuali neraka.”*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita hayati beberapa pengajaran dan tausiyah penting daripada khutbah ini. Antaranya:



1. Umat Islam wajib menjauhkan diri daripada perbuatan dosa besar iaitu memberi dan menerima rasuah.
2. Umat Islam perlu ada rasa takut akan seksaan Allah dan menghormati undang-undang Negara berkaitan rasuah.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa Allah SWT melaknat pemberi dan penerima rasuah. Apatah lagi sekiranya dilakukan oleh orang-orang agama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَبُرِّزَتِ الْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

*"Dan diperlihatkan neraka jelas nyata kepada orang-orang yang sesat."*

*(Surah al-Syu'ara' : 91).*

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.

Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudararat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa



besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ



مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكَوْ اَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي  
اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.  
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan



menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ ﴿٣١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.